

UMNO Johor

Musa umum susunan baru



● DATUK MUSA HITAM

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Oleh RASINAH MOHAMED

SEGAMAT, Khamis — Pengerusi Perhubungan UMNO Johor, Datuk Musa Hitam hari ini mengumumkan susunan baru pentadbiran UMNO Johor dengan menubuhkan dua jabatan baru dan melantik tiga muka baru.

Dua jawatan baru yang ditubuhkan ialah jawatan Setiausaha Kerja dan jawatan khas Pegawai Penyelaras Bilik Gerakan Pilihanraya.

Muka-muka baru yang dilantik ialah Encik Daud Taha, Datuk Yusuf Malim Kuning dan Encik Muhyiddin Mohd Yassin.

Datuk Musa yang juga Timbalan Perdana Menteri membuat pengumuman demikian setelah memengerusikan mesyuarat Perhubungan UMNO Negeri Johor di sini pagi tadi.

Turut hadir di mesyuarat itu Timbalan Pengerusi Perhubungan UMNO Johor Tan Sri Haji Othman Saat dan Ahli-ahli Jawatankuasa UMNO Johor.

Datuk Musa memberitahu sebagai Pengerusi Perhubungan UMNO Johor beliau diberi kuasa melantik tiga pegawai untuk tiga jawatan penting dalam perhubungan iaitu jawatan Setiausaha, Bendahari dan Ketua Penerangan.

Menurut beliau, Exco Kanan Johor Datuk Abdul Rahmam Mahmud kekal memegang jawatan Setiausaha Perhubungan UMNO Johor, manakala jawatan Bendahari dipegang oleh muka baru Encik Daud Taha dan jawatan Ketua Penerangan juga dipegang oleh muka baru Datuk Yusuf Malim Kuning.

Jawatan Bendahari dahulu dipegang oleh Datuk Salleh Tahir dan Ketua Penerangan dipegang oleh Datuk Saadon Noh.

Jawatan yang baru ditubuhkan ialah jawatan Setiausaha Kerja disandang oleh Encik

Hamzah Othman yang akan membantu kerja-kerja Setiausaha Perhubungan UMNO Johor termasuk menyelaras urusan pentadbiran UMNO Bahagian, menyimpan dan mengemaskini rekod-rekod Perhubungan UMNO Johor, mengendalikan urusan harian perhubungan di samping mengawal kakitangan Pejabat Perhubungan UMNO Johor di Johor Bahru.

Datuk Musa berkata jawatan Setiausaha Kerja adalah jawatan tetap dan Encik Hamzah Othman akan mula bertugas tahun depan.

Akauntan

Sementara itu mengenal jawatan baru Pegawai Penyelaras Bilik Gerakan Pilihanraya, Datuk Musa berkata beliau melantik Timbalan Ketua UMNO Bahagian Labis, Encik Mohd Nor Mohd Dom memegang jawatan itu dan antara tugasnya, menyelaras Bilik Gerakan Pilihanraya UMNO Johor yang akan ditubuhkan tidak lama lagi, di samping menyediakan persiapannya menghadapi pilihanraya.

Datuk Musa memberitahu, beliau melantik Encik Daud Taha sebagai Bendahari Perhubungan UMNO Johor kerana UMNO Johor memerlukan seorang profesional bagi menadbirkan kewangannya.

Encik Daud ialah seorang akauntan.